

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Alice Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN  
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:**

- a) Sama ada kerajaan Persekutuan bercadang untuk meningkatkan bantuan kebajikan yang dibayar melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat memandangkan kos sara hidup semakin meningkat dan pelaksanaan GST membebankan rakyat; dan
- b) status kemiskinan dan kemiskinan tegar di Sarawak serta rancangan Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan tegar di Sarawak.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Pihak kerajaan sentiasa prihatin ke atas masalah dan cabaran yang dihadapi oleh golongan yang memerlukan. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyediakan pelbagai skim Bantuan Kebajikan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya mereka dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik dan selesa.

Sebagaimana yang kita maklum pelaksanaan Cukai Barangan & Perkhidmatan (*Goods & Services Tax*) pada April 2015 tidak membebankan penerima Bantuan Kebajikan kerana tidak melibatkan kenaikan harga barangan keperluan asas seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak dan keperluan asas yang lain termasuk perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan pengangkutan awam dikecualikan dari pelaksanaan GST. Hampir satu pertiga daripada 944 barangan dalam sekumpulan barangan indeks harga pengguna tidak

dikenakan GST dan tidak memberikan kesan yang besar kepada golongan berpendapatan rendah.

(b) Sehingga 11 Mei 2015 berikut adalah status Miskin Tegar dan Miskin di Sarawak mengikut sumber daripada Statistik KIR eKasih, ICU Jabatan Perdana Menteri adalah seperti berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>MISKIN TEGAR</b>	<b>MISKIN</b>	<b>JUMLAH</b>
Sarawak	25,188	33,588	58,776
<b>JUMLAH</b>	<b>25,188</b>	<b>33,588</b>	<b>58,776</b>

Berdasar sumber daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, kadar kemiskinan di Sarawak telah berkurangan daripada 5.3 peratus pada tahun 2009 kepada 0.9 peratus pada tahun 2014 manakala kadar kemiskinan tegar berkurangan daripada 1.0 peratus kepada 0.1 peratus dalam tempoh yang sama. Ini jelas menunjukkan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di Sarawak.

Bagi memastikan isu poket kemiskinan ini ditangani secara berterusan, Kerajaan akan meneruskan prinsip dan pendekatan pembangunan secara inklusif sepertimana yang dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah B40 tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi dalam aktiviti ekonomi. Inisiatif utama termasuk:

- **Pertama: Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan
- **Kedua: Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan

barkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Selain itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga telah menyalurkan bantuan kebajikan kepada seramai 57,497 orang penerima yang melibatkan peruntukan sebanyak RM136,561,710 pada tahun 2013 dan pada tahun 2014, sehingga September JKM telah menyalurkan RM69,051,055 untuk manfaat 31,672 orang penerima di Sarawak bagi meningkat taraf kehidupan golongan yang memerlukan.